



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
*Malaysian Examinations Council*



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Kesusasteraan Melayu  
Komunikatif (922)**



# Kesusasteraan Melayu

## Komunikatif 922/1

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 6 450 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 68.23% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.17	6.78	11.66	12.33	6.82	13.55	8.90	11.18	8.50	5.46	6.65

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon terbahagi kepada pada tiga tahap, iaitu lemah, sederhana, dan baik. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah dapat menyatakan fakta dengan tepat, huraian calon menampakkan kematangan, dapat memberikan contoh dengan jelas, mengikut teknik menjawab yang betul dan menepati dengan kehendak soalan. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah tidak membuat perancangan yang sewajarnya terhadap jawapan yang akan dikemukakan, tidak memahami tugas soalan dengan baik, pengetahuan yang terbatas dan tidak mencukupi berkaitan teks *Permata Sastera Melayu*, serta struktur ayat dan bahasa yang tidak jelas dan tidak gramatis. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian tertentu, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian lain.

#### *Komen soalan demi soalan*

### BAHAGIAN A: *Puisi*

#### Soalan 1

Soalan ini berdasarkan dua rangkap pantun kasih sayang yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*). Soalan ini menghendaki calon membincangkan ciri-ciri pantun yang baik yang terdapat dalam pantun tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep ciri-ciri. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta yang tepat, iaitu rima akhir, jumlah baris, jumlah patah perkataan, jumlah rangkap, dan jumlah suku kata. Huraian yang dikemukakan oleh calon pula menampakkan kemahiran berfikir dan berhujah yang baik. Contoh yang dipetik daripada pantun juga tepat. Walau bagaimanapun, ada calon yang mengemukakan huraian semata-mata tanpa hujah perbincangan, ada calon mengemukakan hujah perbincangan tetapi huraiannya tidak jelas dan tidak menyakinkan, dan ada calon terus mengabaikan pendahuluan dan penutup. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep pantun, isi atau maksud pantun, dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti setiap rangkap mempunyai pembayang, setiap rangkap mempunyai maksud, rima akhir a/b/a/b, jumlah patah perkataan sebaris, jumlah suku kata sebaris, setiap rangkap boleh berdiri sendiri sebagai satu idea atau maksud atau pemikiran, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dibincangkan dan dikaitkan dengan ciri-ciri pantun. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

## Soalan 2

Soalan ini berdasarkan sajak yang bertajuk “Keris Itu Masih Di Tanganmu” karya Ahmad Sarju yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*.

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep gaya bahasa. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang gaya bahasa dengan baik. Walau bagaimanapun, ada calon memberikan huraian terhadap fakta asonansi dan aliterasi sebagai perulangan ‘huruf’ dan bukannya perulangan ‘bunyi’. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti anafora, aliterasi, dan asonasi, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan gambaran masyarakat yang terdapat dalam sajak tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep gambaran masyarakat. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta tentang gambaran masyarakat dengan betul. Hal ini disebabkan calon mentafsir isi atau gambaran yang tersirat daripada sajak dan bukannya melihat isi atau gambaran yang tersurat. Ada calon tidak dapat mengemukakan contoh yang tepat berdasarkan gambaran masyarakat yang terdapat dalam sajak. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, ada calon yang dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan baik tentang gambaran masyarakat. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti masyarakat yang suka menabur fitnah, masyarakat yang berani, masyarakat yang tabah, dan sebagainya.

## BAHAGIAN B: *Prosa Tradisional*

### Soalan 3

Soalan ini berdasarkan petikan “Inilah Hikayat Peri Menyatakan Nabi Wafat” yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*.

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan masa Fatimah mungkin bertemu semula dengan ayahandanya. Soalan ini memerlukan calon mengingat semula masa tersebut. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan masa pertemuan, iaitu pada hari kiamat sebagai jawapan.

Soalan (b) menghendaki calon menyatakan tempat Fatimah mungkin bertemu semula dengan ayahandanya. Soalan ini memerlukan calon mengingat semula tempat tersebut. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat memberikan nama tempat, seperti Padang Mahsyar, Syurga, dan sebagainya sebagai jawapan.

Soalan (c) menghendaki calon menyatakan alasan masa dan tempat tersebut dipilih oleh Rasulullah. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang asas pemilihan masa dan tempat tersebut. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan alasan, seperti kebangkitan semula, penentuan amalan, kehidupan abadi, tempat minum ahli syurga, tempat berkumpul, dan sebagainya sebagai jawapan.

#### **Soalan 4**

Soalan ini berdasarkan petikan “Taj Us-Salatin” yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan syarat-syarat yang perlu ada pada menteri seperti yang terdapat dalam petikan tersebut. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep syarat-syarat. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang syarat-syarat yang perlu ada pada menteri dengan baik. Walau bagaimanapun, ada calon tidak menurunkan contoh mengikut petikan yang diberikan, sebaliknya menghuraikan contoh. Ada calon tidak mengemukakan contoh dengan lengkap atau terlalu pendek hingga menjadi contoh yang tidak jelas. Ada calon mengemukakan fakta yang salah kerana tidak menguasai petikan prosa yang menggunakan bahasa Melayu tradisional atau klasik. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep sastera ketatanegaraan, ciri-ciri sastera ketatanegaraan, dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti berbakti kepada raja, bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh raja, mengeluarkan belanja dengan kebenaran raja, menyediakan segala kelengkapan dan keperluan raja, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dibincangkan dan dikaitkan dengan syarat-syarat yang perlu ada. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

### **BAHAGIAN C: Prosa Moden**

#### **Soalan 5**

Soalan ini berdasarkan cerpen “Di Sebalik Sirat Makna” karya Abang Median Abang Said yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*.

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan prasangka Cikgu Ibau terhadap Cikgu Naszkir. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep prasangka. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang prasangka Cikgu Ibau terhadap Cikgu Naszkir dengan baik. Kebanyakan calon hanya dapat mengemukakan fakta membalas dendam sahaja. Jawapan sebegini tidak memadai atau mencukupi dan telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti menunjuk pandai, berlagak, dikhianati, dipinggirkan, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membandingkan perwatakan Cikgu Ibau dengan Cikgu Naszkir. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perwatakan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang perbandingan perwatakan Cikgu Ibau dengan Cikgu Naszkir dengan baik. Kebanyakan calon tidak mahir dalam teknik untuk menjawab soalan perbandingan. Ada calon membandingkan watak pada perenggan yang berlainan. Sepatutnya calon membuat perbandingan bagi perwatakan dua orang

watak pada perenggan yang sama. Ada calon membuat jadual perbandingan sebagai gantian kepada penulisan esei. Jawapan sebegini tidak memadai atau mencukupi dan telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan aspek perbezaan, seperti jawatan, pendidikan, tempoh perkhidmatan, dan sebagainya. Bagi jawapan aspek persamaan pula, seperti pendirian, dedikasi, dan sebagainya.

### **Soalan 6**

Soalan ini berdasarkan cerpen “Anak-anak yang Bergelimpangan” karya Noorjaya yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*.

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan mesej yang dikemukakan oleh pengarang. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep mesej. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang mesej yang dikemukakan oleh pengarang dengan baik. Ada calon yang menjurus kepada pengajaran. Ada calon tidak dapat mengemukakan fakta mesej dalam bentuk sebab dan akibat. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti pencemaran membawa keburukan, muafakat membawa berkat, mementingkan diri membawa sengsara, dan sebagainya.

Soalan (b) menghendaki calon membincangkan kesan negatif yang diterima oleh masyarakat jika Pak Kasa, Mat Dali, dan Awang Cik Leh meneruskan perbuatan negatif mereka. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep kesan negatif. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh tentang kesan negatif. Ada calon membuat huraian dan mengabaikan perbincangan. Ada calon membuat contoh umum tanpa mengaitkan dengan Pak Kasa, Mat Dali, dan Awang Cik Leh. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti pencemaran sungai berterusan, penderitaan masyarakat, ketenteraman masyarakat tergugat, dan sebagainya.

# Kesusasteraan Melayu

## Komunikatif 922/2

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 5 991 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 46.93% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	5.96	2.25	3.52	5.58	9.86	11.42	8.53	12.52	12.20	10.00	18.16

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah fakta, huraian, dan contoh dikemukakan dengan baik; huraian ada menampakkan kemahiran berfikir dan berhujah dengan baik; dan huraian yang dikemukakan ada dihubungkan secara jelas dengan aspek pembangunan, sama ada pembangunan insan, pembangunan masyarakat, atau pembangunan negara. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah tiada perancangan terhadap keseluruhan jawapan; tidak menguasai konsep; jawapan yang menyimpang; struktur ayat dan bahasa yang tidak jelas dan tidak gramatis; dan pengetahuan yang terhad terhadap teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian tertentu, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian lain.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: Pembangunan Insan**

##### **Soalan 1**

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan bahawa jati diri merupakan asas kejayaan dalam kehidupan dengan merujuk Encik Muhammad. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep jati diri. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang jati diri merupakan asas kejayaan dalam kehidupan Encik Muhammad berdasarkan novel tersebut. Huraian yang dikemukakan ada dikaitkan dengan pembangunan insan. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon yang tidak dapat membezakan fakta jati diri dengan nilai kemanusiaan Encik Muhammad. Ada calon mengemukakan huraian tanpa dikaitkan dengan pembangunan insan. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep jati diri dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti bijak, berani, berwawasan, gigih, amanah, dan sebagainya. Huraian perbincangan yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

## Soalan 2

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan nilai kemanusiaan Encik Muhammad dalam konteks pembangunan diri anda yang merujuk calon sendiri. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep nilai kemanusiaan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang nilai kemanusiaan Encik Muhammad berdasarkan novel tersebut. Huraian yang dikemukakan ada dikaitkan dengan pembangunan calon. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon yang tidak dapat membezakan fakta nilai kemanusiaan dengan jati diri Encik Muhammad. Ada calon memberikan fakta yang berulang-ulang dalam konteks yang serupa. Ada calon mengemukakan huraian tanpa dikaitkan dengan pembangunan calon atau 'saya'. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep nilai kemanusiaan dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti bertanggungjawab, terbuka, prihatin, pemurah, dan sebagainya. Huraian perbincangan yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan insan. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

## BAHAGIAN B: *Pembangunan Masyarakat*

### Soalan 3

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan bahawa pendidikan mampu mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik yang merujuk masyarakat Melaka. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep pendidikan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana.

Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang pendidikan mampu mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik berdasarkan teks kajian tersebut. Huraian yang dikemukakan ada dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon yang tidak dapat membezakan fakta pendidikan dengan ilmu. Ada calon memberikan fakta berkaitan pendidikan dengan memberikan contoh watak yang ada ilmu tetapi tiada bukti jelas watak mendapat pendidikan berdasarkan teks.. Ada calon mengemukakan huraian tanpa dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep pendidikan dan isi-isi penting yang hendak dijelaskan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menjelaskan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti melahirkan masyarakat yang berilmu,



masyarakat yang beriman, masyarakat yang sanggup berkorban, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan masyarakat Melaka. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

#### **Soalan 4**

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menjelaskan pernyataan bahawa istiadat perkahwinan diraja merupakan budaya dalam masyarakat istana. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep istiadat perkahwinan dan budaya. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah.

Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang istiadat perkahwinan diraja yang merupakan budaya dalam masyarakat istana berdasarkan teks kajian tersebut. Contohnya, perkahwinan Raja Omar dengan Raja Fatimah jelas tergambar dalam teks, tetapi calon cenderung menggambarkan istiadat umum yang tidak berkaitan. Huraian yang dikemukakan oleh calon pula tidak dikaitkan dengan pembangunan masyarakat istana. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep budaya atau istiadat perkahwinan dan isi-isi penting yang hendak dijelaskan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menjelaskan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti adat meminang, adat menghantar belanja, adat berjaga-jaga, majlis akad nikah, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan masyarakat. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

### **BAHAGIAN C: Pembangunan Negara**

#### **Soalan 5**

Soalan ini berdasarkan teks *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pernyataan bahawa semangat nasionalisme membawa kestabilan negara yang merujuk dalam konteks kesetiaan kepada raja dan negara. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep nasionalisme. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang semangat nasionalisme membawa kestabilan negara berdasarkan teks kajian tersebut. Huraian calon dikaitkan dengan pembangunan negara dalam konteks kesetiaan kepada raja dan negara. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon mengemukakan fakta berulang-ulang. Ada calon yang mengemukakan huraian menjurus kebaktian rakyat kepada raja dengan memberikan contoh sultan di Melaka dan ini bertentangan dengan konteks kesetiaan kepada raja. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep nasionalisme dan isi-isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti tidak menderhaka, sanggup berkorban, berpegang kepada waad, berbakti kepada raja, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan negara dalam konteks kesetiaan kepada raja dan negara. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

## Soalan 6

Soalan ini berdasarkan novel *Saudagar Besar dari Kuala Lumpur*. Soalan ini menghendaki calon menghuraikan pernyataan bahawa aktiviti perdagangan memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep perdagangan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang aktiviti perdagangan yang memberikan sumbangan kepada pembangunan negara berdasarkan novel tersebut. Huraian calon pula dikaitkan dengan pembangunan negara. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon mengemukakan fakta aktiviti ekonomi atau aktiviti pertanian dan bukannya aktiviti perdagangan. Jawapan calon menunjukkan mereka tidak dapat membezakan aktiviti berskala besar dengan berskala kecil. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep perdagangan dan isi-isi penting yang hendak dihuraikan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menghuraikan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti pengimportan barangan, pengeksporan barangan, kontrak perdagangan antarabangsa, penubuhan syarikat usahasama, dan sebagainya. Huraian yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pembangunan negara. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

# Kesusasteraan Melayu

## Komunikatif 922/3

### PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 5 933 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 69.03% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	14.95	4.69	5.17	8.17	14.34	11.07	10.66	7.48	8.02	4.53	10.92

### RESPONS CALON

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah sederhana. Antara kekuatan jawapan calon yang dikesan, termasuklah calon berupaya menunjukkan kematangan mengemukakan hujah dalam huraian yang melibatkan kata tugas soalan 'bincangkan'. Antara kelemahan jawapan calon yang dikesan, termasuklah calon tidak mengaplikasikan teknik yang betul dalam menulis puisi, mengemukakan fakta yang tidak tepat dan bercampur-aduk, memberikan contoh yang umum atau tidak relevan hingga tidak selari dengan teks kajian prosa atau bahan sastera yang lain. Kecenderungan calon memilih soalan dalam bahagian tidak menentukan mutu jawapan calon. Didapati mutu jawapan calon adalah tidak konsisten mengikut bahagian. Sekiranya mutu jawapan calon adalah baik pada bahagian tertentu, tidak semestinya mutu jawapan calon juga adalah baik pada bahagian lain.

#### *Komen soalan demi soalan*

#### **BAHAGIAN A: *Penulisan Kreatif***

##### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan gurindam dua kerat tentang kepentingan memulihara alam sekitar yang panjangnya 10 rangkap. Gurindam yang dihasilkan sepatutnya menepati ciri-ciri wajib pada gurindam, iaitu baris pertama ada syarat dan baris kedua ada jawab, rima akhir a/a, setiap bait ada maksud. Ciri lain gurindam yang sepatutnya ada, seperti dua baris dalam satu rangkap, tiga hingga enam perkataan sebaris, dan enam hingga 12 suku kata dalam sebaris. Calon juga sepatutnya mengemukakan pemikiran yang berkaitan dengan kepentingan memulihara alam sekitar, gaya bahasa yang berbeza, dan tajuk yang berkaitan dengan tema gurindam tersebut. Kebanyakan calon tidak dapat menghasilkan gurindam dengan baik. Antara kekuatan jawapan calon, termasuklah bait gurindam yang dihasilkan mereka menepati ciri-ciri gurindam, mempunyai beberapa pemikiran, gaya bahasa, dan diksi yang sesuai serta tajuk yang berkaitan dengan tema. Hal sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah gurindam yang mereka hasilkan pada baris pertama tiada syarat dan pada baris kedua tiada jawab

serta tiada rima akhir a/a. Ini menunjukkan calon kurang menguasai ciri-ciri wajib pada gurindam. Hal ini menyebabkan ada bait gurindam yang tidak dikira untuk pemarkahan walaupun aspek lain tergambar dalam gurindam. Hal sebegini menjejaskan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh.

## Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah cerpen yang menarik yang bertemakan keagamaan. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep keagamaan. Secara keseluruhannya, kebanyakan calon berupaya menghasilkan cerpen dengan baik. Hal ini disebabkan cerpen yang dihasilkan oleh calon mempunyai judul, tema, persoalan, plot, watak dan perwatakan, sudut pandangan, gaya bahasa yang berbeza, teknik yang baik, dan latar yang berkesan. Antara kekuatan jawapan calon ialah mereka dapat menghasilkan cerpen dengan baik kerana mereka menguasai konsep keagamaan. Hal ini meningkatkan kelancaran keseluruhan jawapan dan markah yang mereka peroleh. Walau bagaimanapun, antara kelemahan jawapan calon ialah cerpen yang mereka hasilkan tidak menarik kerana aspek estetik dan kreativiti tidak menyerlah serta ciri-ciri penghasilannya diabaikan. Hal sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

## BAHAGIAN B: Pengurusan

### Soalan 3

Soalan ini berdasarkan “Hikayat Pelanduk Jenaka (Syeikh Alam Berlawan dengan Raksasa)” yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan kepimpinan Tuan Syeikh Alam dalam usaha untuk mengembalikan keharmonian masyarakat rimba. Soalan ini berkaitan dengan terapan terhadap teks dan memerlukan kefahaman khusus calon tentang prinsip asas pengurusan, iaitu kepimpinan. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh yang berkaitan dengan prinsip asas pengurusan, iaitu kepimpinan Tuan Syeikh Alam berdasarkan teks prosa tersebut. Struktur jawapan calon tersusun merangkumi pendahuluan, isi, dan penutup. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon yang mengemukakan fakta yang bercampur-aduk dan terpesong. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep kepimpinan dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti berpengaruh, berperancangan, berfikiran jauh, berwibawa, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan kepimpinan Tuan Syeikh Alam dalam teks tersebut. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

### Soalan 4

Soalan ini berdasarkan cerpen “Di Sebalik Sirat Makna” karya Abang Median Abang Said yang termuat dalam teks *Permata Sastera Melayu*. Soalan ini menghendaki calon membincangkan pengorganisasian dalam pentadbiran sekolah yang menimbulkan masalah. Soalan ini berkaitan dengan terapan terhadap teks dan memerlukan kefahaman khusus calon tentang prinsip asas pengurusan, iaitu pengorganisasian. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah lemah. Kebanyakan calon

tidak dapat mengemukakan fakta yang tepat dan huraian perbincangan yang baik berkaitan dengan prinsip asas pengurusan, iaitu pengorganisasian berdasarkan cerpen tersebut. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep pengorganisasian dan isi-isi penting yang hendak dibincangkan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan membincangkan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti penyusunan sumber tidak tepat, kekeliruan hierarki, pertindihan kuasa, tiada penyelarasan tugas, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan pula sepatutnya dikaitkan dengan pengorganisasian dalam pentadbiran sekolah berdasarkan teks tersebut. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

### **BAHAGIAN C: *Multimedia Dalam Sastera***

#### **Soalan 5**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan fungsi multimedia dalam sastera dengan mengambil contoh puisi Melayu tradisional. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep fungsi multimedia dalam sastera. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta, huraian, dan contoh dengan baik tentang fungsi multimedia dalam sastera. Elemen multimedia dan elemen sastera juga dinyatakan dalam huraian calon. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada calon yang memberikan fakta, seperti fungsi teks, grafik, animasi, audio visual dan bukannya menyatakan fungsi multimedia itu sendiri. Huraian calon juga tidak menyatakan aspek multimedia atau aspek sastera secara tepat. Contoh yang dibataskan kepada puisi tradisional tidak diambil berat oleh calon hingga mereka memberikan contoh karya sastera secara bebas. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep multimedia dalam sastera dan isi-isi penting yang hendak dijelaskan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menjelaskan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti menjelaskan sesuatu yang abstrak kepada konkrit, memberikan tafsiran secara tersurat dan tersirat, meningkatkan kesan penghayatan, merangsang daya kreativiti, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan pula sepatutnya berdasarkan puisi Melayu tradisional. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.

#### **Soalan 6**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan ciri-ciri grafik dalam persembahan multimedia yang menggunakan karya sastera. Soalan ini memerlukan kefahaman khusus calon tentang konsep grafik. Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat mengemukakan fakta dan huraian dengan baik tentang ciri-ciri grafik. Elemen multimedia dan elemen sastera juga dinyatakan dalam huraian calon. Jawapan sebegini membolehkan mereka memperoleh markah yang tinggi. Walau bagaimanapun, contoh yang dikemukakan oleh calon daripada mana-mana karya sastera agak terhad kepada beberapa peristiwa sahaja, seperti pertarungan Hang Tuah dan Hang Jebat. Ada calon menyatakan contoh yang kurang relevan, bersifat umum, dan tidak jelas atau kabur. Jawapan sebegini telah menjejaskan markah yang mereka peroleh.

Calon sepatutnya mengemukakan pendahuluan terlebih dahulu, termasuklah konsep grafik dan isi-isi penting yang hendak dijelaskan. Seterusnya, calon mengemukakan isi dan menjelaskan isi tersebut. Calon sepatutnya mengemukakan jawapan, seperti warna grafik, saiz grafik, teknik persembahan grafik, menjelaskan makna, dan sebagainya. Contoh yang dikemukakan pula sepatutnya berdasarkan mana-mana karya sastera sama ada puisi Melayu atau prosa Melayu. Akhir sekali, calon sepatutnya merumuskan isi dengan memberikan pandangan, cadangan, harapan, penilaian, atau penegasan sebagai penutup bagi jawapan tersebut.



**Laporan Peperiksaan**

# **STPM 2023**



**Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.** (89120-H)



**Majlis Peperiksaan Malaysia**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-6126 1600 Faks: 03-6136 1488

E-mel: [ppa\[at\]mpm.edu.my](mailto:ppa[at]mpm.edu.my)